

# Jurulatih didakwa rogol atlet

● Mengaku tidak bersalah

INFO

● Diikat jamin

RM50,000

SITI AZIELAH WAHI

**KUALA LUMPUR** - Seorang jurulatih pasukan terjun kebangsaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam, atas tuduhan merogol seorang atlet terjun wanita, bulan lalu.

Tertuduh, Huang Qiang, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Mengikut pertuduhan, Huang Qiang didakwa merogol mangsa berusia 20 tahun di dalam Dry Gym, Gimnasium Terjun, Kompleks Akuatik Sukan Negara Bukit Jalil, jam 5.30 petang pada 26 September lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Hafizza Sauni tidak menawarkan jaminan dengan mengambil kira tertuduh adalah jurulatih kepada mangsa dan membabitkan saksi lain yang turut dilatih olehnya.

"Tertuduh juga masih mempunyai keluarga di China dan dikhuatiri akan meninggalkan negara ini," katanya.

Bagaimanapun, Hafizzah berkata, sekiranya mahkamah membenarkan jaminan, pihaknya menawarkan RM50,000 dengan dua penjamin warga tempatan dan beberapa syarat tambahan.

Peguam Mohd Hisham Md Nen yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon mahkamah membenarkan anak guamnya diikat jamin, atas alasan tertuduh mempunyai keluarga termasuk dua anak masih kecil.

Sementara itu, peguam

Cheow Wee yang hadir sebagai peguam pemerhati bagi pihak mangsa memohon mahkamah menetapkan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak dibenarkan menghubungi dan mendekati mangsa, nama mangsa tidak didedahkan kerana mangsa sedang dilatih untuk Sukan Olimpik bersama pasukan elit.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan dua penjamin warganegara Malaysia, selain syarat tambahan supaya tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Tertuduh yang berasal dari China dan memperoleh kewarganegaraan Malaysia juga dilarang menghubungi, mendekati, mengugut atau mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan lain, dan perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran dua kali sebulan.



Tertuduh didakwa di mahkamah, semalam.